

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai penuh nama-nama bekas Ahli Parlimen dan Anggota Pentadbiran yang sedang menerima pencen serta amaun pencen yang sedang mereka terima setiap bulan pada ketika ini.

**JAWAPAN:      YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat seramai 1,389 penerima faedah penamatan perkhidmatan sehingga kini yang terdiri dari 941 orang pesara Ahli Parlimen dan 448 orang penerima faedah terbitan.

Pada tahun 2014, jumlah pencen yang dibayar kepada pesara Ahli Parlimen dan penerima pencen terbitan berjumlah RM62.73 juta.

Sekian. Terima kasih.